



JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT
(Department of Social Welfare)

Aras 6, 9-18, No. 55 Persiaran Perdana,
Presint 4,
62100 PUTRAJAYA.

Tel : 603 - 8323 1000
Fax : 603 - 8323 2045
Laman Web : www.jkmm.gov.my

Rujukan Tuan : JKMM/600/07
Rujukan Kami : Jid263(4)
Tarikh : 3 Julai 2013

Encl Abdul Hadi Bin Abdullah
Syarikat SI World
No 96, Jalan SS 1/36,
47300 Petaling Jaya,
SELANGOR

Encl Abdul Hadi Bin Abdullah
Syarikat SI World
No 96, Jalan SS 1/36,
47300 Petaling Jaya,
SELANGOR

Encik Abdul Hadi Bin Abdullah
Syarikat SI World
No 96, Jalan SS 1/36,
47300 Petaling Jaya,
SELANGOR

Tuan,

LAPORAN KEBERKESANAN PROGRAM INTEGRASI SENSORI
(PPKI) DI PDK

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan telah lakukan menjalankan **Kajian Keberkesanan Program Integrasi Sensori** ke atas 15 buah PDK yang telah terlibat dalam program ini dari negeri Sarawak, Sabah, Kelantan, Terengganu dan Wilayah Persekutuan Labuan. Laporan Keberkesanan Program Integrasi Sensori telah menunjukkan tahap keberkesanannya program adalah sebanyak 80% ke atas pemulihhan OKU di PDK.

3. Sehubungan dengan itu, Jabatan mendapat program ini sesuai dilaksanakan di PDK. Bagaimanapun Jabatan tidak dapat melaksanakan program ini di PDK disebabkan kekangan kewangan kerana mempunyai komitmen lain yang lebih mendesak.

4. Jabatan mengucapkan terima kasih di atas keperihatinan dan minat tuan untuk melaksanakan program ini di PDK. Bersama-sama ini disertakan Laporan Keberkesanan Program untuk makluman pihak tuan.

LAPORAN KEBERKESANAN PROGRAM INTEGRASI SENSORI
DI PROGRAM PEMULIHAN DALAM KOMUNITI (PDK)

Program Integrasi Sensori telah dijalankan oleh Syarikat SI World di 15 buah PDK dari negeri Sarawak, Kelantan, Sabah, Terengganu dan Wilayah Persekutuan Labuan. Program ini mula dilaksanakan pada tahun 2007 hingga 2011.

Jabatan Pembangunan OKU telah menjalankan Kajian Keberkesanan Program menggunakan borang soal sejidik yang telah diedarkan kepada semua PDK yang terlibat dalam program ini mulai April 2013 hingga Jun 2013. Hasil kajian adalah berdasarkan empat negeri, iaitu Sarawak, Kelantan, Sabah dan Terengganu yang telahpun memberikan maklumbalas berkaitan tahap keberkesanannya dan kesesuaian program ini dilaksanakan di PDK.

Hasil kajian jelas menunjukkan tahap keberkesanannya dan kesesuaian Program Integrasi Sensori dijalankan di PDK adalah sebanyak 80%. Didapati program ini sesuai dijalankan untuk OKU terutama kategori OKU masalah pembelajaran. Pelatih OKU yang mengikuti program ini telah menunjukkan perkembangan pemulihhan yang positif. Program ini juga didapati sesuai digunakan sebagai salah satu alternatif kepada pemulihhan OKU di PDK.

Namun, pihak Syarikat SI perlulah melihat dahulu kesesuaian peralatan dengan OKU yang ada di PDK sebelum program ini dijalankan di semua PDK kerana terdapat sesetengah peralatan yang dijalankan didapati kurang sesuai dengan OKU yang ada di sesetengah PDK.

KEBERKESANAN PROGRAM INTEGRASI SENSORI DI PDK

Tahap Keberkesaan / Kesesuaian Negeri						
Bil	Perkara yang dinilai	Terengganu	Sarawak	Sabah	Kelantan	
1	Peralatan yang dibekalkan sesuai digunakan untuk pemulihan di PDK	• 70 %	100 %	70 %	80 %	
2	Peralatan yang dibekalkan dapat memaksimumkan potensi pelatih	80 %	100 %	70 %	80 %	
3	Peralatan yang dibekalkan dapat meningkatkan keupayaan pelatih	80 %	100 %	70 %	85 %	
4	Pelatih menunjukkan perubahan positif selepas menggunakan peralatan ini	80 %	100 %	60 %	85 %	
5	Program latihan dan peralatan ini dapat menarik minat OKU	75 %	100 %	70 %	85 %	
6	Peralatan ini sesuai dengan program pemulihan yang ada	85 %	100 %	60 %	80 %	
7	Pandangan Petugas kesesuaian penggunaan peralatan ini di PDK	80 %	80 %	60 %	85 %	
8	Pandangan Jurupulih kesesuaian penggunaan peralatan ini di PDK	70 %	80 %	60 %	85 %	
9	Kesesuaian program ini menjadikan pengguna peralatan utara di PDK	70 %	100 %	60 %	80 %	
10	Program dan peralatan ini perlu dibekalkan kesemuanya PPK	70 %	100 %	60 %	85 %	
	Jumlah Markah	76 %	95 %	64 %	83 %	
	Markah Keseluruhan			80 %		
Ulasan Pegawai JKMM Negeri		Program ini sangat berkesan. Pelatih menunjukkan perubahan positif. Disyorkan modul dan peralatan baru dibekalkan untuk menerajukkan keadaan OKU. Perlu pemantauan selespas latihan dari segi teknik penggunaan.				
Sarawak Terengganu Sabah Kelantan		Program ini sesuai untuk OKU autisma dan ADHD. Disyorkan dibekalkan di semua PDK Peralatan yang dibekalkan perlu memenuhi keperluan OKU yang berberza di setiap PDK kerana ada sesetengahnya tidak sesuai digunakan dengan OKU di PDK. Penggunaan peralatan ini amat berkesan, sesuai, canggih dan menarik minat pelatih. Disyorkan dibekalkan ke semua PDK.				

Secara keseluruhannya, didapati program ini telahpun menunjukkan keberkesanan terhadap pemulihan OKU di PDK dan sesuai dilaksanakan di PDK, ramun perlu melihat kesesuaian OKU sebelum program ini dilaksanakan.

SYOR DAN CADANGAN
PENGARAH JABATAN PEMBANGUNAN OKU :

Jabatan mendapati program ini memberikan kesan positif kepada perembangunan OKU dan sesuai digunakan sebagai salah satu pemulihian alternatif di PDK. Jabatan menyokong pelaksanaan program ini di PDK.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA",
"BERKAT BERJASA"**

Saya yang menurut perintah,


(ADNAN ABU BAKAR)
 Pengarah Jabatan Pembangunan OKU
 b.p Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat

- s.k. 1) Ketua Pengarah Kebajikan Masyarakat
- 2) Timbalan Ketua Pengarah (P)
- 3) Timbalan Ketua Pengarah (O)
- 4) Pengarah Kebajikan Masyarakat Negeri
- 5) Semua pegawai JPDKU